

**MESYUARAT JAWATANKUASA
PERUNDINGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(JKPBT)**

**CADANGAN PENURUNAN KUASA OLEH PIHAK
BERKUASA TEMPATAN KEPADA PERBADANAN
PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN
PEMBERSIHAN AWAM DALAM
MENGUATKUASAKAN LARANGAN
PEMBUANGAN SAMPAH KECIL**

TUJUAN

Memohon pertimbangan dan persetujuan Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JKPBT) mengenai cadangan penurunan kuasa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (PPSPPA) di dalam menguatkuasakan larangan pembuangan sampah kecil di negeri-negeri di mana Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) dikuatkuasakan.

PERUNDANGAN

- **Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672): telah dikuatkuasakan pada 1 September 2011.**
- Beri kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan bagi perkara-perkara berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
- Akta 672 terpakai: Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang, Kedah dan Perlis
- Telah gugurkan Peruntukan sisa pepejal dan pembersihan awam di dlm Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.
- Pindaan: Akta A1311, Akta A1312 dan Akta A1313 telah pun diluluskan oleh Parlimen bersekali dengan Akta 672.

PEMBUANGAN SAMPAH KECIL

- Peraturan Larangan Pembuangan Sampah Kecil (Anti Litter) tidak dapat diwujudkan di bawah Akta 672 kerana Akta 672 tidak mempunyai klausa yang membolehkan peraturan tersebut digubal
- Ada larangan terhadap pelonggokan, pengolahan sbgnya sisa pepejal terkawal tanpa kebenaran
- Peruntukan mengenai meletakkan debu atas jalan-jalan, dsb., di Seksyen 47, Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133) yang meliputi sampah, telah tidak digugurkan : **MASIH BERKUATKUASA**
- Undang-Undang Kecil di bawah Seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) **masih lagi berkuatkuasa sekiranya tidak ditarik balik** atau diganti dengan peraturan-peraturan baru yang berkaitan.

PENURUNAN KUASA KEPADA PPSPPA

- Penurunan kuasa tidak melucutkan kuasa PBT dlm menguatkuasa undang-undang ini
- Bantu PBT kuatkuasa undang-undang larangan pembuangan sampah kecil (anti liter)
- Meringankan beban pegawai penguatkuasa PBT yang perlu menjalankan pelbagai jenis aktiviti penguakuasaan.
- PPSPPA akan menggunakan Notis Denda (Compound Notice) milik PBT
- Semua hasil daripada denda tersebut akan diserahkan kepada PBT.
- PPSPPA sebagai sebuah agensi Persekutuan yang khusus diwujudkan bagi menguatkuasakan undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam mempunyai pegawai penguatkuasa dan akan dapat menangani masalah pembuangan sampah kecil secara lebih sistematik, menyeluruh dan seragam

KESIMPULAN

Penurunan kuasa bagi larangan pembuangan sampah kecil dibawah Seksyen 47 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan juga undang-undang kecil dibawah Seksyen 73 Akta 171 kepada PPSPPA dapat memastikan keberkesanan pelaksanaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam serta meningkatkan mutu kebersihan negara

SYOR

- **JAWATANKUASA PERUNDINGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JKPBT)** di pohon menimbang dan bersetuju dengan cadangan penurunan kuasa oleh Pihak Berkuasa Tempatan kepada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) didalam menguatkuasakan larangan pembuangan sampah kecil dinegeri-negeri dimana Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) dikuatkuasakan.

TERIMA KASIH